

08 JUN 1999

DR MAHATHIR RASMI KONGRES SUMBER TENAGA YANG BOLEH DIPERBAHARUI

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Kongres Sumber Tenaga yang boleh diperbaharui.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di tempat perasmian di Palace of the Golden Horses, dengan memandu sebuah kereta elektrik.

Malaysia menjadi tuan rumah kongres itu sebagai satu aktiviti Program Solar Dunia 1996-2005 yang diusahakan oleh Suruhanjaya Solar Dunia (WSC) bertujuan mempromosi dan membangunkan, penggunaan dan aplikasi sumber tenaga yang boleh diperbaharui secara global.

Lebih daripada 300 peserta termasuk daripada pelbagai agensi awam dan swasta di negara ini mengambil bahagian dalam kongres yang berlangsung selama empat hari itu.

Dr Mahathir yang merupakan anggota WSC, turut melepaskan para peserta Cabaran Basikal Solar Antarabangsa Malaysia (MISCC).

MISCC, satu lagi acara antarabangsa bagi tenaga yang diperbaharui, dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia dengan para peserta dari Malaysia, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Jepun dan lain-lain.

Perdana Menteri juga melancarkan Pusat Tenaga Malaysia. Antara objektif utama penubuhannya adalah untuk mempromosi tenaga dengan cekap dan memajukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang baru sumber tenaga yang boleh diperbaharui di negara ini.

Para pemenang pertandingan Poster Sekolah-sekolah Kebangsaan mengenai Promosi Tenaga yang Diperbaharui dan dan kecekapan tenaga di negara ini turut menerima hadiah masing-masing pada majlis itu.

Dr Mahathir kemudiannya melawat pameran Tenaga Yang Diperbaharui yang berlangsung sempena kongres tersebut.

-- BERNAMA

AR LAT